

POWER!

pengurusan wang ringgit anda

Diterbitkan oleh:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Aras 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Faks : 03-2616 7601 E-mel: enquiry@akpk.org.my

© AKPK
Edisi Pertama 2011

Hak cipta buku ini adalah milik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Buku ini atau mana-mana bahagiannya boleh diterbitkan semula, diterjemahkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dengan mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada AKPK dan hanya untuk tujuan pendidikan. Tiada sebarang bentuk keuntungan kewangan boleh diperolehi, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung daripada penerbitan semula seperti di atas.

ISBN 978-983-44004-3-9

Penafian:

Maklumat yang terkandung di dalam buku ini bertujuan untuk pendidikan semata-mata. Maklumat tersebut bukanlah pengganti kepada nasihat atau saranan yang mungkin anda terima daripada penasihat kewangan profesional.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menafikan sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak yang menggunakan maklumat di dalam buku ini sebagai asas untuk membuat sebarang keputusan atau tindakan.

Walaupun segala usaha telah dibuat untuk memastikan ketepatan maklumat di dalam buku ini, AKPK mengharapkan pemahaman anda sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau kekurangan.

Nama dan maklumat individu yang terkandung di dalam kisah benar telah diubah bagi melindungi identiti mereka.



Bab

3

PENGUNAAN
KAD KREDIT
SECARA BIJAK

Menggunakan kad kredit secara bijak merupakan salah satu langkah penting untuk memastikan kedudukan kewangan anda sentiasa sihat. Kad kredit diibaratkan pisau tajam yang mempunyai banyak manfaat tetapi jika disalahgunakan boleh melukakan anda.

Dalam Bab 2, kita telah membincangkan tentang asas meminjam. Sekarang, marilah kita gunakan pengetahuan ini apabila menggunakan kad kredit.

APA ITU KAD KREDIT?

Kad kredit ialah alat pembayaran secara elektronik yang membolehkan anda membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai

Bagaimanakah kad kredit berfungsi?

Kad kredit yang ditawarkan kepada anda juga menyediakan kemudahan meminjam yang dikenali sebagai had kredit, yang telah ditetapkan oleh pengeluar kad kredit. Apabila anda menggunakan kad kredit, pengeluar kad kredit akan membuat bayaran kepada peniaga bagi pihak anda dan kemudiannya akan meminta bayaran daripada anda melalui penyata bulanan yang dikeluarkan. Pada amnya, anda akan diberikan tempoh tanpa faedah antara 20 hingga 50 hari sebelum perlu membuat bayaran.



Kelebihan kad kredit

Kad kredit adalah instrumen yang berguna sekiranya anda tahu menggunakannya dengan bijak. Anda boleh menikmati faedah seperti berikut:

- Merupakan kaedah pembayaran yang mudah dan cekap
- Membeli barangan dan mendapatkan perkhidmatan secara dalam talian (online)
- Menggunakan penyata bulanan untuk menjejak perbelanjaan bagi tujuan merangka bajet
- Terdapat kad kredit yang menyediakan perlindungan insurans kemalangan peribadi dan insurans perjalanan secara percuma, bergantung kepada jenis kad yang ditawarkan
- Menikmati skim menarik seperti skim bayaran ansuran tanpa faedah, skim bayaran fleksibel dan pemindahan baki pada kadar 0% untuk memaksimumkan pembelian anda
- Memperoleh mata ganjaran untuk menebus barangan dan perkhidmatan yang biasanya tidak dapat dinikmati jika bayaran dibuat secara tunai

APA YANG ANDA PERLU KETAHUI TENTANG KAD KREDIT

Sebelum menggunakan kad kredit, anda perlu memahami terma dan syarat yang diberikan seperti berikut:

Had kredit

Ini adalah had maksimum ditetapkan bagi setiap kad. Jika had ini habis digunakan, anda tidak boleh menggunakan kad sehingga anda menjelaskan sebahagian daripada bayarannya.

Lazimnya, had kad kredit adalah 2 hingga 3 kali ganda pendapatan bulanan anda. Sekiranya anda menggunakan had maksimum, ini bermakna anda telah membelanjakan 2 hingga 3 bulan pendapatan masa depan anda!

Yuran dan caj

Terdapat pelbagai jenis yuran dan caj yang anda perlu fahami, termasuk:

Yuran penyertaan	Pengeluar kad kredit mungkin akan mengenakan yuran penyertaan sekali sahaja. Yuran ini mungkin berbeza antara satu pengeluar kad dengan yang lain								
Yuran tahunan	Ini adalah yuran yang perlu dibayar apabila anda telah menerima kad kredit. Terdapat juga pengeluar kad kredit yang mengecualikan yuran ini jika anda memenuhi syarat penggunaan kad kredit anda								
Caj kewangan	<p>Ini adalah caj yang dikenakan keatas baki yang belum dijelaskan selepas tarikh akhir pembayaran dan dikira berdasarkan baki harian. Pada masa ini pemegang kad kredit dikenakan faedah secara bertingkat. Ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan kad kredit secara berdisiplin. Kadar faedah bertingkat yang baharu adalah seperti berikut:</p> <table border="1"><thead><tr><th>Rekod Pembayaran Balik</th><th>Kadar Faedah</th></tr></thead><tbody><tr><td>Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 12 bulan berturut-turut</td><td>Sehingga 13.5% setahun</td></tr><tr><td>Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 10 bulan atau lebih sepanjang tempoh 12 bulan</td><td>Sehingga 16% setahun</td></tr><tr><td>Lain-lain</td><td>Sehingga 17.5% setahun</td></tr></tbody></table>	Rekod Pembayaran Balik	Kadar Faedah	Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 12 bulan berturut-turut	Sehingga 13.5% setahun	Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 10 bulan atau lebih sepanjang tempoh 12 bulan	Sehingga 16% setahun	Lain-lain	Sehingga 17.5% setahun
Rekod Pembayaran Balik	Kadar Faedah								
Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 12 bulan berturut-turut	Sehingga 13.5% setahun								
Pemegang kad yang menjelaskan bayaran minimum selama 10 bulan atau lebih sepanjang tempoh 12 bulan	Sehingga 16% setahun								
Lain-lain	Sehingga 17.5% setahun								

Yuran pendahuluan wang tunai	Yuran ini dikenakan setiap kali pendahuluan wang tunai dilakukan dan biasanya antara 3% hingga 5%. Yuran ini merupakan caj kewangan tambahan dan dikira dari tarikh wang tunai tersebut diambil
Caj bayaran lewat	Ini adalah caj yang dikenakan jika anda gagal menjelaskan jumlah minimum bulanan sebelum tarikh akhir pembayaran yang ditetapkan. Jika anda membayar selepas tarikh ini, anda akan dikenakan caj kewangan (faedah ke atas baki belum jelas) dan juga caj bayaran lewat
Cukai perkhidmatan	Bermula tahun 2010, setiap kad kredit akan dikenakan cukai perkhidmatan tahunan sebanyak RM50 ke atas pemegang kad utama dan RM25 ke atas pemegang kad sampingan. Bayaran ini akan dimasukkan dalam penyata kad kredit anda

Tempoh tanpa faedah

Anda boleh menikmati tempoh tanpa faedah, kebiasaannya antara 20 hingga 50 hari dari tarikh urus niaga mula direkodkan, sekiranya anda tidak mempunyai sebarang jumlah tertunggak dari bulan sebelumnya.

Oleh itu, sekiranya anda hanya membayar sebahagian atau jumlah minimum baki yang perlu dibayar, anda akan dikenakan faedah ke atas semua pembelian yang dibuat melalui kad kredit dari tarikh urus niaga direkodkan

Ini bermaksud jika bil kad kredit anda tidak dijelaskan dengan sepenuhnya pada tarikh akhir pembayaran dan baki dibawa ke bulan berikutnya, anda tidak akan menikmati tempoh tanpa faedah. Faedah akan dikenakan ke atas urus niaga yang seterusnya dan faedah ini akan dikompaunkan pada kadar harian sehingga baki dibayar sepenuhnya.

Kemudahan pemindahan baki

Pemindahan baki membolehkan pemegang kad kredit memindahkan semua atau sebahagian daripada baki kad kredit dari satu bank ke bank lain untuk tujuan menjimatkan caj faedah. Biasanya, bank akan menawarkan kemudahan ini pada kadar 'promosi' untuk menggalakkan anda memindahkan baki kad kredit kepada mereka. Ini mungkin cadangan yang baik kerana anda dapat menjimatkan kos faedah.

Walaupun bagaimanapun, sebelum memutuskan pemindahan baki, tanya diri anda soalan berikut:

- Berapa lamakah kadar 'promosi' ini ditawarkan?
- Adakah kadar efektif selepas tamat tempoh kadar promosi tersebut?
- Adakah kadar promosi ini juga untuk pembelian baru?
- Adakah anda akan dikenakan yuran pemindahan baki?
- Adakah anda akan dikenakan yuran pembatalan atau penyelesaian awal?

Walaupun ini mungkin strategi yang baik untuk mengurangkan caj faedah ke atas baki kad kredit yang belum dibayar, anda perlu juga meneliti terma dan syarat kemudahan seperti ini.

Contohnya, ada syarat yang menyatakan anda hanya boleh membuat bayaran minimum 5% ke atas jumlah yang dipindahkan sewaktu tempoh promosi dan anda dilarang membayar lebih atau melangsaikan sepenuhnya. Selain itu, mungkin ada tempoh 'lock-in' yang melarang anda memindahkan baki ke bank lain tanpa membayar penalti terlebih dahulu. Sekiranya anda tidak berhati-hati, anda mungkin berbelanja melebihi kemampuan dengan menggunakan kad yang telah dipindahkan bakinya jika anda tidak berhemat dalam mengurus perbelanjaan anda.

Anda juga perlu mematuhi jumlah dan jadual pembayaran yang telah dipersetujui. Jika anda gagal membuat bayaran, kadar promosi akan bertukar kepada kadar biasa atau 17.5% berserta dengan caj bayaran lewat dan penalti yang lain. Syarat di atas juga merangkumi 'skim bayaran ansuran fleksibel' yang ditawarkan.

Skim bayaran fleksibel / Skim tanpa faedah

Kemudahan ditawarkan oleh pengeluar kad kredit dan peniaga terpilih di mana pemegang kad boleh membayar pembelian secara ansuran antara 3 hingga 24 bulan tanpa faedah bergantung kepada had kredit pemegang kad.

Liabiliti pemegang kad sampingan

Pemegang kad utama akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung semua pembayaran ke atas pembelian yang dibuat oleh pemegang kad sampingan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengeluar kad kredit memerlukan pemegang kad sampingan menanggung liabiliti secara bersama dan berasingan terhadap hutang pemegang kad utama dan pemegang kad sampingan yang lain.

CARA MENGELAKKAN PERANGKAP KAD KREDIT

Jika anda hanya membuat bayaran minimum, anda akan mengambil tempoh yang lebih lama untuk menyelesaikan hutang kad kredit dan lebih banyak hutang akan terkumpul. Dengan kadar faedah yang tinggi, anda membayar lebih kepada pengeluar kad kredit jika dibandingkan dengan harga asal barangan atau perkhidmatan yang anda peroleh dahulu.

Ilustrasi berikut menunjukkan tempoh bayaran balik dan jumlah faedah yang dikenakan pada kadar maksimum jika anda hanya membuat bayaran minimum 5% setiap bulan.



Baki belum jelas	RM1,000	RM5,000	RM10,000
Kadar faedah (tahunan)	17.5%	17.5%	17.5%
Tempoh pembayaran (tahun)	2.0	5.8	7.3
Jumlah faedah yang dikenakan	RM191	RM1,838	RM3,897

Seperti jadual di atas, jika baki hutang ialah **RM10,000**, anda akan mengambil masa selama **7.3** tahun untuk melangsaikan keseluruhan hutang anda. Di samping itu, anda juga terpaksa membayar **RM13,897** untuk bayaran yang pada awalnya hanya berjumlah **RM10,000**.



Kisah dua pembeli TV LCD

Mohan menabung 10% daripada pendapatan bersihnya setiap bulan. Manakala sahabat karibnya, Rohan pula adalah seorang yang suka berbelanja mengikut kehendak hati dan langsung tidak mempunyai tabungan. Mohan dan Rohan pergi ke pusat membeli-belah kerana masing-masing ingin membeli sebuah televisyen LCD yang berharga RM3,000.

Mohan menggunakan tabungannya dan membayar pembelian televisyen tersebut secara tunai. Rohan pula membeli TV tersebut dengan menggunakan kad kredit di mana kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 17.5% setahun. Oleh sebab Rohan hanya membuat bayaran minimum untuk kad kreditnya pada setiap bulan, dia telah mengambil masa $4\frac{1}{2}$ tahun untuk menjelaskan kesemua hutang kad kredit tersebut.

Sementara Mohan hanya membayar RM3,000 untuk TV tersebut, Rohan pula terpaksa membayar sejumlah RM4,014 kerana adanya kos faedah. Rohan bukan sekadar membayar tambahan sebanyak RM1,014 akibat faedah yang dikenakan kerana membuat bayaran minimum, malah dia juga kehilangan peluang untuk melabur jumlah yang sama untuk tujuan membina kekayaannya.



TIP

PENGGUNAAN KAD KREDIT SECARA BIJAK

- Buat perbandingan terlebih dahulu untuk mendapatkan kad kredit terbaik. Carilah kad yang memberi pengecualian yuran penyertaan dan yuran tahunan
- Hadkan bilangan kad kredit berdasarkan keperluan dan kemampuan pembayaran anda (disarankan maksimum 2 kad sahaja)
- Membeli secara online hanya di laman web yang dipercayai sahaja
- Bayar sebelum tarikh akhir pembayaran untuk mengelakkan daripada dikenakan caj bayaran lewat atau penalti
- Untuk mengelak daripada dikenakan faedah, bayar baki belum jelas sepenuhnya apabila anda menerima penyata bulanan. Berwaspada tentang akibat hanya membayar jumlah minimum
- Jika anda menghadapi masalah aliran tunai, bayar jumlah minimum terlebih dahulu dan berusaha untuk menjelaskan bayaran sepenuhnya secepat mungkin
- Elak menggunakan kad kredit jika anda tidak mampu membayar bayaran minimum bulanan
- Jangan menggunakan kad kredit untuk mendapat pendahuluan wang tunai daripada ATM. Ingat, setiap kali anda menggunakan kad kredit untuk mengeluarkan wang tunai, anda meningkatkan komitmen pinjaman di samping dikenakan yuran pendahuluan wang tunai dan faedah harian
- Sentiasa periksa penyata bulanan kad kredit untuk memastikan setiap urus niaga dan caj yang dikenakan adalah betul. Penyata ini menunjukkan semua butiran urus niaga, termasuk yuran dan caj, tarikh akhir pembayaran perlu dijelaskan dan bayaran minimum. Hubungi pengeluar kad kredit sekiranya terdapat kesilapan pada penyata atau anda masih belum menerima penyata

CARA MELINDUNGI DARIPADA PENIPUAN KAD KREDIT

Antara penipuan kad kredit yang paling biasa adalah urus niaga tidak sah dan kecurian identiti. Pengeluar kad kredit sentiasa berwaspada terhadap urus niaga palsu dan penipuan. Anda perlu juga mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa penipuan.





Panduan

melindungi kad kredit anda

- Tandatangan kad kredit anda sebaik sahaja menerimanya
- Jangan biarkan orang lain menggunakan kad kredit anda
- Jangan dedahkan butiran kad kredit kepada pihak yang tidak dikenali kerana mereka boleh menggunakannya untuk membuat pembelian melalui telefon, mel atau Internet
- Pastikan anda memotong kad kredit yang sudah tamat tempohnya setelah menerima kad gantian untuk mencegah pengklonan atau penyalahgunaan kad
- Periksa semua butiran pada slip bayaran sebelum menandatangani atau mengesahkan setiap urus niaga
- Simpan semua slip bayaran dan semak penyata sebaik sahaja anda menerimanya
- Simpan kad kredit di tempat yang sama di dalam dompet atau tas tangan agar anda tahu serta-merta jika kad kredit hilang atau dicuri
- Laporkan segera kepada pihak pengeluar kad kredit sekiranya kad kredit anda hilang, dicuri atau terdapat urus niaga yang tidak sah. Jika anda tidak melaporkannya, anda bertanggungjawab ke atas semua urus niaga tersebut sehingga laporan dibuat

JENIS KAD YANG LAIN

Kad caj

Seperti kad kredit, anda boleh membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai. Beza di antara kad kredit dan kad caj adalah kad kredit membenarkan anda membuat pembayaran minimum manakala untuk kad caj, anda mesti membayar kesemua jumlah mengikut penyata bulanan. Jika tidak, caj bayaran lewat akan dikenakan

Kad debit

Seperti juga kad kredit, anda boleh membeli barangan dan mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai tetapi had penggunaannya tertakluk kepada baki di dalam akaun deposit anda. Anda boleh menggunakan kad debit di tempat yang menerima kad tersebut. Jumlah yang dicajkan akan ditolak serta-merta daripada akaun anda

Jika anda mendapati bahawa anda selalu membayar jumlah minimum pada kad kredit, kami cadangkan supaya beralih kepada kad debit

Kad prabayar

Boleh digunakan untuk membuat pembelian tertakluk kepada had jumlah nilai wang yang anda masukkan di dalam kad tersebut. Contohnya seperti kad prabayar telefon atau kad Touch'n Go. Apabila baki telah berkurangan, anda perlu menambah semula nilai kad anda

Dengan pengetahuan ini, kami berharap anda mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang apa yang perlu diketahui sebelum memohon dan menggunakan kad kredit dengan bijak.



Rumusan **POWER!**

- Kad kredit seharusnya digunakan sebagai kaedah pembayaran secara elektronik bagi menggantikan penggunaan wang tunai
- Kad kredit tidak harus digunakan sebagai alat mendapat kredit yang mudah
- Sentiasa jelaskan kesemua baki kad kredit tepat pada masanya
- Dengan hanya membuat bayaran minimum ke atas kad kredit, anda akan menanggung kos faedah yang lebih banyak (akibat kesan faedah kompaun)
- Baca dan fahami semua terma dan syarat sebelum menggunakan kad kredit anda
- Sentiasa menjaga kad kredit dan semak butiran transaksi anda



Senarai Semakan

- Adakah anda tahu kadar faedah bertingkat kad kredit anda?
- Berapakah bilangan kad kredit yang anda miliki?
- Adakah anda tahu jumlah had kredit anda?
- Jika anda tidak membayar sepenuhnya baki kad kredit, tahukah anda kos sebenar pembelian anda?

PENILAIAN DIRI

1. Yang manakah diantara berikut adalah kelebihan menggunakan kad kredit?
 - a. Sebagai alternatif kepada wang tunai
 - b. Kaedah pembayaran secara elektronik
 - c. Mudah mengawal dan menjejaki perbelanjaan
 - d. Kesemua di atas

2. Pengeluaran tunai dari kad kredit adalah cara yang paling mudah untuk mendapatkan wang tunai segera, tetapi ianya hendaklah digunakan ____ kerana caj yang akan dikenakan adalah tinggi.
 - a. pada bila-bila masa anda suka
 - b. apabila anda mahu membeli barangan yang mahal
 - c. hanya sebagai pilihan terakhir
 - d. untuk membayar apa sahaja

3. Yang manakah diantara berikut adalah tip penggunaan kad kredit yang bijak?
 - a. Hadkan jumlah kad kredit yang dimiliki
 - b. Amalkan untuk membayar baki kad kredit dengan penuh
 - c. Bayar sebelum tarikh matang untuk mengelak dikenakan caj lewat bayar dan penalti
 - d. Kesemua di atas

4. Jika anda membayar bil kad kredit selepas tarikh matang, anda akan dikenakan _____
 - a. yuran tahunan
 - b. caj perkhidmatan
 - c. caj bayaran lewat
 - d. caj minimum

5. Yang manakah antara berikut TIDAK BENAR mengenai kad kredit:
- Ia adalah kaedah pembayaran yang efisien dan mudah digunakan
 - Anda boleh menjejaki perbelanjaan melalui penyata bulanan
 - Anda digalakkan untuk sentiasa membuat bayaran minimum
 - Sesetengah pengeluar kad kredit menawarkan skim yang menarik seperti skim bayaran bulanan tanpa faedah, skim ansuran fleksibel dan pindahan baki tanpa faedah (0%)
6. Pengguna kad caj perlu membayar _____ yang tercatat dalam penyata bulanan atau boleh dikenakan denda lewat bayar
- separuh dari jumlah
 - keseluruhan jumlah
 - 5% daripada jumlah
 - sebarang jumlah yang mampu dibayar
7. Kad manakah yang paling sesuai untuk digunakan sekiranya hendak mengawal disiplin kewangan?
- Kad kredit
 - Kad caj
 - Kad debit
 - MyKad
8. Untuk mengelak penipuan, anda perlu
- simpan kad anda di tempat yang selamat
 - jangan sesekali menandatangani slip caj/jualan kosong
 - jangan benarkan orang lain menggunakan kad kredit anda
 - kesemua di atas
9. Jika kad anda telah hilang/dicuri, anda terlebih dahulu perlu _____
- lapor segera kepada pengeluar kad anda
 - buat laporan polis
 - abaikan sahaja
 - mohon kad baru dengan pengeluar lain

Sila rujuk jawapan anda di muka surat terakhir buku ini